

Sinar Harian 14/2/2020

Obor-obor beracun muncul

di Pantai Pulau Kekabu

M/S 35

MARANG - Orang ramai diingatkan supaya berwaspada dan tidak menyentuh obor-obor beracun yang dikenali sebagai *portuguese man o' war* (*physalia cnidaria*).

Hidupan laut itu ditemui terdampar di Pantai Pulau Kekabu di sini oleh anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) Marang ketika sedang menjalani Latihan Penyelamat Pantai APM dua hari lalu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, hidupan laut dalam spesies obor-obor yang dikategorikan dalam *filum cnidaria* itu mempunyai ribuan sel penyengat berbisa.

"*Physalia* adalah haiwan yang dikategorikan dalam *filum cnidaria* bersama-sama obor-obor di mana ia tidak boleh berenang dan bergantung kepada arus.

"Haiwan ini mempunyai ribuan sel penyengat yang boleh menyebabkan rasa sakit melampau jika terkena pada badan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.


Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya menjauhkan diri, tidak menyentuh atau berenang di kawasan yang terdapat spesies tersebut.

"Sama seperti obor-obor biasa, elakkan diri daripada terkena pada badan kerana ia akan menyebabkan kegatalan.

"Setakat ini tiada antivenom untuk merawat bisa yang disebabkan sengatan *physalia*. Rawatan yang ada adalah berbentuk ubat penahan sakit dan melegakan simptom," kata beliau.

Beliau berkata, haiwan tersebut biasanya ditemui di Lautan Pasifik namun sejak kebelakangan ini ia turut dikesan di perairan Thailand, Kuantan, Pulau Tioman dan Sabah.

FOTO: IHSAN APM MARANG



Spesies obor-obor yang dikategorikan dalam *filum cnidaria* itu mempunyai ribuan sel penyengat berbisa.